

# eWADAH



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

EDISI OGOS - SEPT  
BIL. 3 / 2019

## MAJLIS PERASMIAN READ@UNI PERINGKAT UMP

25 September 2019  
Aras 4 Perpustakaan UMP Pekan

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang telah menganjurkan Karnival Perpustakaan 2019 dalam usaha menyokong aspirasi Kementerian Malaysia (KPM). Ia bertujuan menyegarkan kembali aktiviti galakan membaca dikalangan warga Universiti dan komuniti sekitar.

Antara aktiviti yang ditelakan diadakan ialah : Bengkel *Training Of Trainers (TOT)*; Bacaan Pantas, Ceramah Pemaharuan TRIZ, Pameran Buku Peringkat UMP, Hari Bertemu Pelanggan dan Karnival Perpustakaan 2019 melabuhkan tirai dengan acara *UMP Library Fun Run* yang berlangsung pada 29 September 2019.

Majlis Perasmian Read@UNI Peringkat UMP dirasmikan oleh **Profesor Madya Ts. Dr. Ruzaini Bin Abdullah Arshah**, Dekan Kanan Kolej Komputeran dan Sains Gunaan Fakulti Komputeran bagi mewakili Naib Canselor UMP. Seramai 350 orang pelajar yang menyertai majlis perasmian tersebut dengan beberapa hadiah telah disampaikan iaitu Hadiah Peminjam Terbanyak, Hadiah Pengunjung Terkerap dan Hadiah Pendeposit Terbanyak UMP/IR yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pustakawan, En. Dzull Zabarrud Ahmad.

Majlis Perasmian turut dimeriahkan dengan kehadiran Pengarah dari Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah AL-Mustain Billah Kuala Lipis dan Kolej Vokasional Muadzam Shah serta staf dan pelajar dari kedua-dua Kolej tersebut.



## MAJLIS MENANDATANGANI SURAT NIAT (LETTER OF INTENT) BAGI TUJUAN KERJASAMA DI ANTARA PERPUSTAKAAN UMP DENGAN KOLEJ VOKASIONAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH KUALA LIPIS DAN KOLEJ VOKASIONAL MUADZAM SHAH



Majlis Tandatangan Surat Niat, diantara Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah AL-Mustain Billah Kuala Lipis dan Kolej Vokasional Muadzam Shah dengan Perpustakaan UMP berlangsung pada 25 September 2019 seiring dengan Majlis Perasmian Karnival Perpustakaan 2019. Ia ditandatangani oleh Pengarah Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah AL-Mustain Billah Kuala Lipis *Encik Che Sauti bin Che Ibrahim*, Pengarah Kolej Vokasional Muadzam Shah *Encik Hj. Zakaria bin Omar* dan Pemangku Ketua Pustakawan Perpustakaan UMP *Encik Dzull Zabarrud bin Ahmad*. Melalui perjanjian dan kerjasama ini akan mengeratkan lagi hubungan di antara pihak dan melalui kerjasama dua hala, program kolaborasi ini akan mencapai beberapa objektif bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran sebagai institusi pendidikan di dalam Negeri Pahang.



## BENKEL TRAINING OF TRAINERS : SPEED READING

Perpustakaan Pekan – Bengkel ini telah diadakan selama 2 hari bermula pada 23 September 2019 dan berakhir pada 24 September 2019. Bengkel ini telah dihadiri seramai 29 orang peserta dan disampaikan oleh penceramah En. Ahmad Yazid bin Ahmad@Abdul Rahman dan dibantu Pn. Rozana binti Kamdani, Pustakawan Kanan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dapatan daripada latihan yang dijalankan selama 2 hari itu, kadar bacaan sebelum dan selepas pendedahan teknik bacaan pantas mendapati peningkatan kadar bacaan peserta adalah amat baik dan beberapa peserta telah berjaya mencapai tahap terpentas



**26 September 2019 – TRIZ:** Kemahiran Penyelesaian Masalah yang telah berlangsung pada 26 September 2019, Khamis di Aras 4, Perpustakaan UMP, Pekan. Dimulai dengan Sesi Motivasi Pagi bertajuk **Berani untuk Berjaya** oleh Puan Haslinda Hashim, penerjah dari Pusat Sains Kemusiaan, juga sebagai fasilitator TRIZ UMP. Pesanan dan nasihat yang disampaikan sangat bermanfaat. Antaranya menghormati dan beradab kepada ibu bapa dan guru kerana doa mereka mengiringi setiap usaha dan ilmu yang disampaikan membentuk kejayaan masa hadapan. Ceramah TRIZ pula telah disampaikan oleh **Kapt. Imaduddin Abidin** sejeurus selesai sahaja slot motivasi pagi. Kini, kemahiran mengenal pasti dan menyelesaikan masalah merupakan perkara penting didalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, Teori TRIZ dapat diaplikasikan bagi membantu para pelajar dalam menyelesaikan tugas atau projek dalam mata pelajaran tertentu. Penceramah menerangkan metodologi TRIZ yang digunakan dalam proses mengenalpasti, pemecahan, penghurairan, penyelesaian dan meramal masalah. Lanya disertai seramai 60 orang murid dari sekitar Pekan.



## UMP LIBRARY FUN RUN 2019

29 September - Seramai 330 peserta menyertai **UMP Library Fun Run 2019** yang diadakan di Universiti Malaysia Pahang kampus Pekan. Perpustakaan telah menganjurkan acara larian sejauh 5 km ini merupakan acara penutup sempena minggu **Karnival Read@Uni**. Acara pelepasan peserta larian disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pustakawan UMP, En. Dzull Zabarrud Ahmad di hadapan bangunan perpustakaan UMP Pekan. Pengarah program berkenaan, **Muhammed Fawwaz Rasid**, berkata acara larian telah disertai oleh mahasiswa UMP dan penduduk setempat bermula pada jam 7.00 pagi. Acara larian ini diadakan bagi memupuk mahasiswa dan komuniti setempat mengamalkan gaya hidup sihat dan rajin bersenam. Melalui cara larian seperti ini peserta boleh bersenang secara santai dan menyenangkan, disamping objektif tambahan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan dan komunikasi antara perpustakaan dengan warga UMP katanya.



Bertempat di Makmal Komputer Perpustakaan Pekan telah diadakan Latihan Sistem Koha yang berlangsung dari 19 dan 20 Ogos 2019 bagi Modul *Acquisition* dan *Modul Cataloging & Serial*. Sementara bagi tarikh 29 & 30 Ogos 2019 adalah untuk Modul *Patron & Circulation* dan Modul *Opac & Report*. Peserta yang terlibat diberi latihan yang intensif bagi menggunakan sistem koha secara praktikal bagi melakukan tugas harian dalam menguruskan perpustakaan. Seramai 56 orang peserta yang terlibat dan latihan ini disampaikan oleh penceramah Raja Norazlinda Raja Azenam dan Noor Syafini Zamani, Pustakawan Kanan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM. Latihan ini telah dianjurkan oleh Seksyen Sistem & Aplikasi dan dihadiri oleh tetamu jempunan iaitu Vendor Inter XS.

## LATIHAN SISTEM KOHA



## BENKEL SEMAKAN PELAN STRATEGIK DAN SENARAI TUGAS JABATAN PERPUSTAKAAN 2019 HOTEL RESIDENCE INN, CHERATING PAHANG 23 - 25 OGOS 2019



Bengkel ini bertujuan membuat semakan dan penambahbaikan inisiatif Pelan Strategik Perpustakaan 2016 - 2020 bagi menyokong KPI yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang. Ia juga untuk memastikan inisiatif Pelan Strategik yang dirancang selari dengan operasi harian Perpustakaan. Bengkel ini juga menyemak dan menambahbaik senarai tugas semua staf Perpustakaan berdasarkan kepada penstrukturan semula Jabatan. Ia juga memberi penerangan dan pemahaman kepada staf perpustakaan berkaitan fungsi, peranan dan halatujuh perpustakaan terkini sesuai dengan keperluan semasa UMP. Bengkel ini melibatkan kesemua staf Jabatan Perpustakaan dari pelbagai gred seramai 64 orang.



## LATIHAN KAWAD KECEMASAN PERPUSTAKAAN UMP KAMPUS GAMBANG 2019

28 Ogos 2019 - Tujuan latihan ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal serta tindakan dan langkah yang perlu dibuat sekiranya berlaku kes kecemasan di Perpustakaan



Pengunjung di dalam keadaan terkawal dengan ada *Traffic Controller* yang membantu menunjuk arah laluan keluar utama dan tempat berkumpul. Latihan ini berjaya dilakukan dalam masa 10 minit yang bermula pada jam 3.00 petang dan berakhir pada 3.10 petang.

- + Makluman daripada *First Responder* & waktu mula kejadian – 3.00 petang
- + Masa penghuni terakhir keluar daripada bangunan – 3.02 petang
- + Masa keseluruhan diambil semasa kawad kecemasan – 2 Minit 56 Saat
- + Masa *Incident Commander* menyitiharkan kecemasan tamat – 3.10 petang



## LAWATAN



## KELAS PENDIDIKAN PENGGUNA



<p>WARGA KERJA PERPUSTAKAAN UJAM 15 OGOS 2019</p>	<p>PELAJAR KOLEJ WIDAD 15 OGOS 2019</p>	<p>SEKOLAH SUKAN GAMBANG 22 OGOS 2019</p>	<p>PENILAI LUAR FKTTT 21 OGOS 2019</p>
---	---	---	--

SCIENCE DIRECT & SCOPUS  
21 OGOS 2019  
Ms Yu Lang dari Elsevier

DEMO PERCUBAAN K-NOVEL  
28 OGOS 2019  
Jess Ho dari Hinton Information Services

IEEE Xplore Digital Library  
18 SEPT 2019

EZPROXY & FIRST YEAR SEMINAR  
18 SEPT 2019

SPRINGERLINK & TURN IT IN  
18 SEPT 2019